



Profil

*Tokoh-Tokoh
Gemilang*

Universiti Malaya





**Tan Sri Dato'
Dr. Abdullah Sanusi Ahmad**

Pengalaman pentadbiran yang luas dalam bidang perkhidmatan awam, korporat dan universiti, menjadi satu ciri yang amat menonjol dan membezakan Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad dengan Naib Canselor Universiti Malaya sebelum ini. Pengkorporatan Universiti Malaya adalah sinonim dengan kehadirannya di universiti ini.

Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi, anak negeri Adat Perpatih, dilahirkan pada 30 Januari 1936 dalam sebuah keluarga yang berpendidikan tinggi dan terkenal dalam masyarakat

daerahnya. Maka tidak hairanlah jika Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi telah mendapat pendidikan yang baik; beliau mendapat ijazah Sarjana Muda (Ekonomi, Pengajian Melayu dan Bahasa Belanda) daripada University of Malaya di Singapura pada tahun 1960. Setahun kemudian beliau mendapat Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian daripada Universiti Malaya di Kuala Lumpur.

Dengan kelulusan cemerlang itu, Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi diterima sebagai pegawai tadbir perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu. Ini mendorong beliau untuk mendapat kelulusan yang sesuai dengan bidang kerjanya; maka pada tahun 1967, beliau mengikuti kursus pentadbiran di Oxford University, England dan di Royal Institute of Public Administration, London.

Minatnya yang mendalam kepada ilmu pengetahuan cukup jelas terbayang dengan pemergiannya ke University of Pittsburgh, U.S.A. Di universiti ini, beliau mengikuti program sarjana dan mendapat M.P.A. pada tahun 1970 daripada Graduate School of Public and International Affairs. Sebagai seorang yang amat percaya kepada kepentingan ilmu sebagai teras pembangunan diri manusia yang sempurna, maka ijazah kedoktoran, yang walaupun tidak begitu perlu bagi seorang pegawai perkhidmatan awam, tetap diburunya di University of Southern California, U.S.A., pada akhir 1973. Satu tahun kemudian, beliau mendapat satu lagi ijazah sarjana M.P.A. Pada tahun 1977, Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi mendapat gelaran Doktor Falsafah.

Kerjaya Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi bermula pada tahun 1961 sebagai Penolong Pegawai Daerah, Daerah Jelevu, N. Sembilan dan kemudiannya ditukarkan ke jawatan Penolong Setiausaha Negri. Bagaimanapun, minatnya kepada kehidupan akademik cuba diisi dengan menjadi Penolong Pensyarah, Universiti Malaya, Singapura. Namun, ini tidak diteruskan apabila beliau kembali semula ke dalam perkhidmatan awam dengan menjadi Penolong Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia. Ini disandangnya pada bulan Februari sehingga bulan September 1966.

Pada tahun 1971, sekembalinya daripada Amerika Syarikat, beliau dilantik sebagai Pengetua, Pusat Latihan Kakitangan Kerajaan, Malaysia. Perlantikan ini amat berguna kerana di sinilah, kata Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi, beliau mendapat 'peluang untuk menyumbang membina institusi baru dan memperbaiki perjalanan pengurusan' perkhidmatan kerajaan.

Hasil daripada kegigihan untuk membina sistem pengurusan dan pentadbiran kerajaan yang terbaik, lahirlah INTAN (Institut Perkhidmatan Awam), sebagai pusat melatih

dan menambahkan ilmu pengurusan kepada kakitangan pegawai kerajaan. Sebagai Pengarahnya yang pertama, di tangan beliau terletaknya pembentukan satu sistem pengurusan perkhidmatan awam yang dapat berfungsi bagi menentukan kelicinan, kecekapan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan Malaysia. Penubuhan INTAN adalah suatu 'kepuasan yang tidak terhingga' kepada Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi.

Setelah dapat menambah ilmu pengurusan pentadbiran diperingkat tertinggi, Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi diberi tanggungjawab yang lebih besar lagi. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah, Unit Perancangan Pemodalan Pengurusan dan Pembangunan Tenaga Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Perlantikannya ini bermula daripada April 1977 sehingga Disember 1980. Pada bulan Januari 1981 pula, beliau memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam, Malaysia. Pada tahun 1986 pula, beliau telah dilantik sebagai Vice-President, Human Resource Management Sector, Petronas, badan korporat utama negara. Falsafah hidupnya yang sentiasa menekankan 'Dedikasi dalam menjalankan tugas. Berusaha sedaya upaya dalam apa jua lapangan yang diceburi...', benar-benar menunjukkan hasil.

Kesungguhannya bekerja tergambar juga dengan kerajinannya menulis dan mengutarakan pendapatnya. Lebih daripada 35 buah kertaskerja yang berkaitan dengan kemahirannya, telah dibentangkan dalam seminar di dalam dan di luar negara. Antaranya ialah "Wawasan 2020: Meneguhkan Peribadi Bangsa

Kearah Kemajuan", yang dibentangkan dalam Seminar Wawasan Peringkat Negeri Sembilan 1994," "R & D in Malaysia: Strengthening Science and Technology Research in Our Universities", dalam Kongres Sains dan Teknologi Malaysia 1994, pada 15-18 Ogos 1994," "Cabaran-cabaran Kepada Masyarakat Melayu Dari Segi Pendidikan Menjelang Abad Ke 21" dalam Konvensyen Pemikiran Melayu, Kuala Lumpur pada 29 Mei 1996 dan "Strategi Pengembangan Staf Dalam Abad Ke 21: Pengembangan Staf Di Institusi Pengajian Tinggi", Persidangan Kebangsaan Pertama UMLIC 1997, pada 10 Mac.

Beberapa buah buku mengenai pengurusan dan pentadbiran, juga telah dihasilkannya. Ini termasuklah *Peranan Pejabat Karang Mengarang*, (DBP, 1966); *Masalah Ekonomi Malaya* (DBP, 1965); *The National Language and Administrators*, (DBP, 1969); *Kerajaan Dan Pentadbiran Malaysia*, (DBP, 1980); *Kerajaan, Pentadbiran dan Rakyat*, (DBP, 1987); *Development in Public Administration and Management Current Issues*, (Universiti Utara Malaysia, 1993) dan *Perkembangan Pentadbiran Awam dan Pengurusan: Koleksi Ceramah Umum*, (DBP, 1994).


Pada April 1994, reputasinya sebagai pentadbir dan pengurus yang mantap, telah meletakkan Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi sebagai Naib Canselor Universiti Malaya. Idea pengkorporatan universiti telah dicadangkan; tujuannya ialah untuk membolehkan universiti menjana pendapatannya sendiri di samping dapat memberi kebebasan yang lebih kepada pihak universiti untuk mempelbagaikan program dan pembangunan ilmu yang semakin global sifatnya. Inilah yang dianggap oleh Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi sebagai sumbangannya yang sangat bermakna iaitu 'mencetuskan idea dan melaksanakan usaha memodenkan pengurusan universiti serta membudayakan semula keserjanaan dalam kampus', katanya.

Kepakarannya dalam bidang pengurusan pentadbiran itu telah dimanfaatkan oleh badan-badan lain bagi meningkatkan mutu sistem pengurusan mereka. Antara badan yang telah melantik beliau sebagai Pengarah dan Pengerusinya termasuklah State Economic Development Corporation of Johore (SEDC-Johor), State Economic Development Corporation of Negeri Sembilan (SEDC-N.S), Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Urban Development Authority (UDA), Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM), Food Industries of Malaysia (FIMA), Fima Metal Box Berhad, Petronas Gas Sdn. Bhd., ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., Petronas Carigali Sdn. Bhd., OGP Technical Services Sdn. Bhd. dan Nationwide Express Courier Services Bhd.

Beliau juga menjadi Ahli Lembaga SEDC, Negeri Sembilan, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Nationwide Express Courier Services Bhd. Dalam jabatan kerajaan pula, beliau menjadi ahli National Council for Higher Education (1996); ahli Board of Trustees, ASEAN University Network (1996-); ahli Majlis Penasihat Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1983-) dan Pengerusi Malaysian Committee of Vice Chancellors (1996-1999).

Sebagai seorang yang terkenal dalam bidang kepakarannya, Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi juga diiktiraf oleh insituti-institusi awam sebagai presiden dan ahli badan penasihat mereka. Antara organisasi itu ialah Ahli Lembaga Pengampunan Kerajaan Negeri Sembilan (1991-), Tuanku Jaafar College (1991-), Timbalan Presiden Malaysian Society for Administration and Management (MASMA) (1991-), Trustee to the Malaysian Humanitarian Foundation (1996-), Presiden Malaysian University of Southern California Association Alumni (1996-) dan ahli World Council of the World Association for Cooperative Education (WACE) (1995-).

Di atas sumbangannya yang begitu besar kepada kekukuhan sistem pengurusan pentadbiran perkhidmatan awam dan korporat, berbagai pihak telah memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada beliau. Ini termasuklah daripada pihak kerajaan negeri, persekutuan dan universiti luar negara. Seawal-awalnya, pada tahun 1973, beliau telah dianugerahkan pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N) oleh Yang Di Pertuan Agong, sebagai tanda pengiktirafan

kepada ketokohnya yang mula terserlah dalam bidang pentadbiran negara. Ini diikuti dengan anugerah Darjah Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.). Pada tahun 1981, beliau dianugerahkan Darjah Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.) yang membawa gelaran Dato'. Pihak Northeastern University, Amerika Syarikat, telah menganugerahkan doktor kehormat, Doctor of Laws (LL. D) pada 19 Jun 1995. Universiad John F. Kennedy, Buenos Aires, Argentina pula telah menganugerahkan The Kennedy Star, pada April 1995, sebagai tanda perhubungan baik dengan Malaysia. Kemuncak kepada pengiktirafan kerajaan Malaysia terhadap sumbangannya kepada kemajuan dan pemodenan pengurusan pentadbiran perkhidmatan awam dan badan korporat negara ialah dengan penganugerahan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Yang Di Pertuan Agong pada 7 Jun 1997. Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad mendirikan rumahtangga bahagia dengan Puan Sri Datin Hj. Hashimah Hj. Ismail dan dikurniakan empat putera – Faizal, Mudzafar, Redza dan Iskandar. 

(RA)